



## SIARAN MEDIA

### KPKT DAN KERAJAAN NEGERI PAHANG JALIN KERJASAMA BAGI PENYEDIAAN KEDIAMAN MAMPU MILIK DI NEGERI PAHANG

**KUALA LUMPUR, 3 Mac 2025** – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Setiausaha Kerajaan (SUK) Pahang telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) bagi Projek Program Residensi Rakyat (PRR) di Negeri Pahang hari ini. MOU ini ditandatangani oleh YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT dan YB Dato' Sri Haji Zulkifli bin Haji Yaacob, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Majlis telah disaksikan oleh YAB Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang.

Kerjasama ini bertujuan memperkasa sektor perumahan di negeri Pahang bagi memastikan setiap rakyat mempunyai akses bagi memiliki kediaman yang kondusif, mampu milik dan selamat.

**Sebanyak 700 unit rumah teres satu (1) tingkat telah dibangunkan di atas tanah milik Kerajaan Negeri Pahang** bagi pembangunan enam (6) projek PRR. Ini adalah selaras dengan keputusan Majlis Perumahan Mampu Milik Negara (MPMMN) Bilangan 1 Tahun 2022 bagi merealisasikan pembangunan rumah mampu milik, Kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan pembangunan manakala Kerajaan Negeri pula akan menyediakan tanah bagi tujuan pembangunan PRR ini.

MOU ini dimetrai antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri supaya kedua-dua pihak dapat bekerjasama dalam urusan penyerahan dan pengurusan termasuklah penawaran kepada pembeli-pembeli yang layak, pengisian dan penyelenggaraan rumah-rumah PRR di Pahang. Dengan adanya MOU ini, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri jelas akan obligasi dan peranan masing-masing setelah kesemua projek ini diserahkan kepada Kerajaan Negeri kelak.

Kerjasama erat ini melibatkan enam (6) projek PRR iaitu **PRR Pelangai, Bentong; PRR Luit, Maran; PRR Inderapura, Kuantan; PRR Pulau Manis, Kuantan; PRR Tahan, Jerantut**

**dan PRR Beserah, Chendor.** Keenam-enam projek ini menyediakan sejumlah 700 unit rumah teres satu (1) tingkat dengan Skim Secara Dimiliki.

PPR Pelangai, Bentong yang kini dikenali sebagai PPR Desa Baris Idaman telah memperolehi Perakuan Siap Kerja (CPC) pada tahun 2021 dan diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pahang pada 13 September 2022 dan kini telah pun memberikan manfaat kepada hampir 200 orang penduduk dalam kalangan kumpulan B40.

Tiga (3) PRR lagi iaitu **PRR Luit, Maran, PRR Inderapura, Kuantan** dan **PRR Pulau Manis, Kuantan** kini sedang dalam proses kerja-kerja pembaikan yang dijangka selesai dilaksanakan pada tahun ini bagi PRR Inderapura, Kuantan dan PPR Pulau Manis, Kuantan. Manakala PRR Luit, Maran dijangka selesai pembaikan pada tahun hadapan.

Baki dua (2) PRR lagi iaitu **PPR Tahan, Jerantut** dan **PRR Beserah, Chendor** pula kini sedang dalam pembinaan dan dijadualkan siap pada pertengahan tahun ini. Hal ini sekaligus akan meningkatkan jumlah penerima manfaat perumahan sosial yang disediakan oleh Kerajaan MADANI kepada penduduk di negeri Pahang.

Pembinaan PRR merupakan antara fokus Kerajaan dalam memastikan aspek ketersediaan perumahan rakyat dapat dipenuhi khususnya untuk golongan B40. Pembangunan projek-projek PRR di negeri Pahang ini juga selaras dengan hasrat Kerajaan di dalam menyediakan 500,000 unit rumah mampu milik di seluruh negara sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-12.

Prihatin dan cakna terhadap keperluan rakyat, KPKT kini telah menambahbaik konsep pembangunan PRR sedia ada dengan menerapkan elemen/skop tambahan dalam pembangunan PRR yang baharu. Elemen/skop tambahan ini akan memberikan nilai tambah (*value-added*), meningkatkan kualiti unit rumah, mampu meningkatkan daya huni (*liveability*) serta bersifat mampan (*sustainable*).

#MalaysiaMADANI  
#Kesejahteraan  
#StrongerTogether  
#DemiPertiwi  
#UnityInDiversity

---

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh: Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon: 03-8891 5555 | Faks: 03-8891 5557 | E-mel: [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

